

AirAsia X Lantik Bernard Francis Sebagai Pengarah Komersial Baharu

Bernama

6 Mei, 2014

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- AirAsia X Bhd melantik Datuk Bernard Francis, sebagai Pengarah Komersil yang baharu.

Dalam satu kenyataan, syarikat penerbangan tambang rendah itu berkata Bernard akan menyelia dan memacu jabatan komersil AirAsia X, yang terdiri daripada pengurusan perolehan, jualan dan pengedaran, pemasaran, komunikasi dan acara, penjenamaan, perancangan rangkaian dan laluan serta perolehan sampingan.

Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia X Azran Osman-Rani berkata syarikat itu gembira dengan kehadiran Bernard yang mempunyai pengalaman luas dalam syarikat penerbangan komersil.

"Dengan pengalaman luas beliau dalam syarikat penerbangan tambang rendah dan syarikat penerbangan perkhidmatan penuh, termasuk laluan jarak jauh, kami berharap Datuk Bernard akan menyuntik semangat dan kreativiti dalam usaha kami untuk melepasi aras pendapatan tahunan 2014 sebanyak US\$1 bilion - mengukuhkan kedudukan kami sebagai pemimpin global dalam industri penerbangan tambang rendah jarak jauh," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1036267>